



LAPORAN AKHIR PROGRAM

NAMA PROGRAM:

A-B-C-DENTIST!

TARIKH:

2, 9, 16 APRIL 2022 (SABTU)

14, 21 MEI 2022 (SABTU)

9 JULAI 2022 (SABTU)

TEMPAT:

RUMAH KANAK-KANAK TENGGU BUDRIAH

ANJURAN:

MAHASISWA TAHUN 4

FAKULTI PERGIGIAN

UNIVERSITI MALAYA

ANJURAN BERSAMA:

PERSATUAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK,

UNIVERSITI MALAYA (PAKKUM)

ISLAMIC DENTAL ASSOCIATION OF MALAYSIA (IDAM)

**SULAM – COMMUNITY
ORAL HEALTH PROMOTION PROJECT
SULAM – CFP
FAKULTI PERGIGIAN
UNIVERSITI MALAYA**

1.0 PENGENALAN

Projek SULAM-CFP merupakan program mempromosikan kesihatan gigi dan mulut kepada para masyarakat. Program ini menitikberatkan dalam penggunaan pendekatan yang strategik untuk melaksanakan tindakan positif yang merangkumi faktor sosial, ekonomi dan politik mengenai aspek kesihatan pergigian dalam sebuah komuniti.

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) telah menetapkan pembelajaran melalui perkhidmatan sebagai salah satu keperluan bagi pelajar universiti sebelum digelar graduan bertauliah. Di Fakulti Pergigian, Universiti Malaya, SULAM, atau nama penuhnya *Service Learning Malaysia - University of Society* - merupakan sebuah idea inovatif dalam mendekatkan pelajar di pusat pengajian tinggi pada masyarakat dan membimbing mereka menambah baik kemahiran dalam semua aspek kehidupan. SULAM diasimilasikan dalam Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian dan dinamakan sebagai **SULAM – COMMUNITY ORAL HEALTH PROMOTION FIELD PROJECT** atau SULAM-CFP.

SULAM adalah pembelajaran berasaskan pengalaman, di mana pelajar dengan bimbingan pensyarah, menyelesaikan permasalahan masyarakat dengan mengaplikasikan ilmu dan skil dari disiplin akademik. Pada masa yang sama, terdapat beberapa komponen pembelajaran lain yang mempunyai persamaan dengan SULAM tetapi berbeza dari segi prinsip dan amalan.

Komponen tersebut adalah kesukarelawanan, perkhidmatan komuniti, praktikum dan kerja lapangan.

Tujuan program SULAM-CFP yang bernama Projek A-B-C-DENTIST! diadakan di Rumah Kanak-kanak Tengku Budriah adalah untuk memberi peluang kepada kanak-kanak yang menghuni pusat penjagaan tersebut dalam menimba ilmu tentang penjagaan gigi secara percuma. Hal ini demikian kerana kesihatan gigi merupakan subset kepada kesihatan umum. Ini bermaksud, kepentingan memastikan gigi sentiasa sihat adalah sama signifikan dengan menjaga kesihatan menyeluruh. Tugas menjaga kesihatan gigi anak-anak secara lazimnya jatuh pada kedua-dua ibu bapa. Namun, dengan ketiadaan ibu bapa, sama ada atas sebab meninggal dunia atau berpisah, kesihatan gigi anak-anak terabai.

Berdasarkan hasil kajian soal selidik yang kami lakukan dengan warga rumah kanak-kanak ini, lebih 50% daripada mereka yang tidak menerima pemeriksaan gigi sepanjang tempoh dua tahun ini. Selain itu, kebanyakan daripada mereka kurang pengetahuan tentang kesihatan mulut dari segi plak gigi, amalan penjagaan kesihatan dan kesan buruk gula, minuman berkarbonat serta tabiat merokok. Oleh itu, dengan kerjasama daripada doktor-doktor gigi sukarelawan daripada pihak *Islamic Dental Association of Malaysia* (IDAM), rawatan pemeriksaan gigi akan diadakan bagi meningkatkan status kesihatan mulut kanak-kanak ini pada 9 Julai 2022 yang akan datang.

Tambahan pula, satu kajian terhadap anak-anak yatim di sekitar Kuala Lumpur telah membuktikan bahawa mereka tidak mempraktikkan amalan pencegahan penyakit gigi. Oleh itu, dengan mengadakan program SULAM-CFP bersama penghuni Rumah Kanak-kanak Tengku Budriah diharapkan dapat mengajar mereka serba-sedikit tentang tabiat penjagaan gigi yang berkesan.

Di samping itu, terdapat juga penemuan dari kajian soal-selidik dan sesi temu-ramah bersama staf rumah kanak-kanak bahawa hampir 50% daripada warga kanak-kanak yang menetap mempunyai kekurangan dalam pengetahuan pembelajaran asas dari aspek membaca, mengira dan menulis (3M) kerana mereka tidak mempunyai peluang untuk bersekolah. Oleh kerana permasalahan seperti keperluan untuk berpindah-randah ke tempat penempatan yang berbeza atau penungguan pengurusan mahkamah dalam tempoh masa yang pendek menyebabkan wujudnya kesukaran untuk kanak-kanak tersebut untuk bersekolah. Perkembangan kognitif dalam kalangan kanak-kanak ini akan terjejas menyebabkan pertumbuhan kemahiran fungsi otak menjadi buntu pada usia seawal-awal umur 7 tahun lagi. Sebuah kajian menyatakan bahawa peringkat usia kanak-kanak (2 sehingga 12 tahun) adalah waktu di mana proses pertumbuhan dan perkembangan yang berlaku akan memberi impak yang besar dan signifikan dalam jangka masa yang panjang untuk masa hadapan seseorang kanak-kanak. Oleh itu, program ini akan mengasimilasi ilmu dan kemahiran 3M dalam promosi kesihatan gigi dan mulut dengan kerjasama ahli sukarelawan daripada Fakulti Pendidikan Universiti Malaya. Teknik pengajaran 3M yang betul dan efisien daripada para sukarelawan ini dapat memberi kesan yang lebih efektif kepada kanak-kanak ini. Dengan itu, terbentuklah tema istimewa bagi program SULAM-CFP 2022 ini yang bernama, '*A-B-C-DENTIST!*'.

Perkhidmatan yang kami sediakan dalam program ini adalah berdasarkan prinsip *Ottawa Charter 1986* yang dijadikan garis panduan untuk mempromosi kesihatan. Empat daripada lima prinsip tersebut dipilih bagi merangka strategi dalam mewujudkan program yang efektif. Empat prinsip tersebut adalah pembentukan polisi awam, pembinaan persekitaran yang kondusif, pemupukan kemahiran sendiri dan gerakan masyarakat. Antara perkhidmatan yang disediakan adalah seperti berikut:

Prinsip *Ottawa Charter 1986*: (1) Pembentukan Polisi Awam

1. Mewujudkan polisi 'Gosok Gigi, Ceria Hati' dengan kolaborasi jururawat.

Prinsip Ottawa Charter 1986: (2) Pembinaan Persekitaran yang Kondusif

1. Menyediakan alas kaki *anti-slip* di ruangan singki kantin.
2. Mengecat di kawasan sekitar rumah kanak-kanak.
3. Menyediakan poster kesedaran kesihatan gigi di sekitar rumah kanak-kanak.
4. Memberikan alat-alat permainan hasil sumbangan pihak peribadi untuk permainan hiburan kanak-kanak.

Prinsip Ottawa Charter 1986: (3) Pemupukan Kemahiran Kendiri

1. Mengasimilasi pembelajaran 3M (membaca, menulis, mengira) dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan.
2. Mengajar kanak-kanak amalan penjagaan gigi seperti memberus gigi dengan cara yang efektif.
3. Memberi buku-buku bacaan hasil daripada sumbangan kutipan buku di Fakulti Pergigian Universiti Malaya sebagai bahan pembelajaran.

Prinsip Ottawa Charter 1986: (4) Gerakan Masyarakat

1. Mengadakan rawatan pemeriksaan gigi secara percuma.
2. Memohon sumbangan kutipan buku daripada warga Fakulti Pergigian Universiti Malaya selama sebulan untuk menggalakkan amalan membaca kepada kanak-kanak.

Program SULAM-CFP 2022 yang bertujuan untuk mempromosikan kesihatan gigi dan mulut kepada kanak-kanak yang menghuni Rumah Tengku Budriah dapat memberikan pelbagai impak positif terhadap penjagaan kesihatan gigi dan juga perkembangan kognitif. Tambahan pula, pihak penganjur program yang dijalankan selama 4 bulan ini berhasrat untuk memberikan perubahan yang

signifikan dari aspek ilmu dan kemahiran penjagaan mulut untuk kebaikan kesihatan gigi dan mulut kanak-kanak ini.

2.0 NAMA PENGANJUR

Jabatan Kesihatan Pergigian Masyarakat dan Pencegahan Klinikal,
Fakulti Pergigian Universiti Malaya

3.0 NAMA ANJURAN BERSAMA

- I. Persatuan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (PAKKUM),
Fakulti Pendidikan Universiti Malaya
- II. *Islamic Dental Association of Malaysia (IDAM)*

4.0 NAMA KEGIATAN

SULAM-CFP 2022

5.0 OBJEKTIF KEGIATAN

SULAM-CFP telah menggariskan beberapa objektif utama dalam penganjuran projek ini, iaitu:

- 4.1 Mendedahkan penghuni di Rumah Kanak-kanak Tengku Budriah dengan pengetahuan tentang penjagaan gigi.
- 4.2 Mengajar amalan penjagaan asas gigi dan mulut.
- 4.3 Menekankan kepentingan penjagaan gigi.
- 4.4 Mengajar kemahiran membaca, menulis dan mengira.
- 4.5 Meningkatkan status kesihatan gigi dan mulut.

6.0 TARIKH DAN MASA

Tarikh : 2, 9, 16 April 2022, 14, 21 Mei 2022 dan 9 Julai 2022 (Sabtu)

Masa : 8:00 pagi – 12:00 tengah hari

7.0 TEMPAT

Rumah Kanak-kanak Tengku Budriah, Kuala Lumpur

8.0 BILANGAN PESERTA

37 orang

9.0 STRUKTUR ORGANISASI DAN SENARAI AHLI JAWATANKUASA TERTINGGI

Rujuk lampiran A

10.0 SENARAI TUGAS

Rujuk lampiran B

11.0 TENTATIF PROGRAM

Rujuk lampiran C

12.0 RINGKASAN AKHIR PROGRAM


Rujuk lampiran D

13.0 PENUTUP

Semoga Projek SULAM-CFP dapat dijalankan dengan lancar atas bantuan pihak Universiti Malaya, Fakulti Pergigian serta Penasihat projek. Kerjasama semua pihak amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

LAMPIRAN A(1)

STRUKTUR ORGANISASI PROJEK SULAM-CFP 2022



LAMPIRAN A(2)

SENARAI AHLI JAWATANKUASA PROJEK SULAM-CFP 2022

Penasihat Projek : Profesor Dr. Norintan binti Ab. Murat

Ketua Projek : Shafira binti Mohd Zairi
(019-3224302)

Setiausaha : Khairatulamirah binti Md Razali
(019-5380948)

Bendahari : Ng Shen Lun

Ketua Biro Kreatif : Nurfadzlin Syahirah binti Mohd Fadzli

Ketua Biro Logistik : Mohd Luqman bin Mohidin

Ketua Biro Hubungan : Teng Yu Ning

Luar & Tajaan : Ooi Yean Xin

Ahli Jawatankuasa : Chan Yun Yi

: Anis Sofia binti Puad

: Mohamad Syuwari bin Izham

LAMPIRAN B

SENARAI TUGAS

PENASIHAT

- Memberi nasihat dan kritikan yang sewajarnya berkenaan dengan projek.
- Membantu dalam meningkatkan kualiti pengurusan dan pelaksanaan keseluruhan projek.

PENGARAH

- Merancang pelaksanaan projek atas bantuan Ahli Jawatankuasa Tertinggi projek.
- Mengarahkan pelaksanaan projek atas bantuan Ahli Jawatankuasa projek.
- Menyediakan Kertas Cadangan projek dan melantik Ahli Jawatankuasa Tertinggi.
- Menyediakan Anggaran Belanjawan projek atas bantuan Bendahari.
- Menguruskan Ahli Jawatankuasa atas bantuan Setiausaha.
- Mengadakan mesyuarat rutin untuk mengikuti tahap perjalanan projek.
- Memegang tanggungjawab sepenuhnya dalam melaksanakan projek.
- Melaporkan tahap perjalanan projek kepada Penasihat projek.

SETIAUSAHA

- Menguruskan dokumentasi projek.
- Menyimpan fail dan surat yang dihantar untuk rujukan masa akan datang.
- Merekod minit mesyuarat.
- Menguruskan hal ehwal dalaman dan disiplin Ahli jawatankuasa.
- Mengumpulkan laporan selepas projek dilaksanakan.
- Menyimpan cadangan dan nota yang direkod untuk rujukan Ahli Jawatankuasa yang akan datang.
- Membantu Ketua Kumpulan menyiapkan laporan sebaik sahaja projek dilaksanakan.

BENDAHARI

- Menguruskan akaun projek dan segala urusan kewangan.
- Menyediakan draf Anggaran Belanjawan.
- Menyediakan dan mengemaskini rekod projek.
- Menyimpan resit asal untuk rujukan masa akan datang.

BIRO KREATIF

- Menyenaraikan aktiviti menarik untuk dilakukan.
- Menyenaraikan alatan dan bahan yang diperlukan.
- Menyediakan alatan dan bahan yang diperlukan.
- Mereka poster dan *event booklet*.
- Menyediakan tayangan multimedia acara.
- Menyediakan *link* platform atas talian.
- Menjalankan tugas teknikal / multimedia semasa acara berlangsung.
- Menyediakan jurugambar

BIRO LOGISTIK

- Meninjau dan menempah lokasi projek.
- Mencari tajaan makanan atau makanan yang lebih murah untuk peserta.
- Membantu dalam pengangkutan untuk membeli barang yang diperlukan.
- Menyediakan pengangkutan ke lokasi projek.
- Menyediakan peti pertolongan cemas.

BIRO HUBUNGAN LUAR DAN TAJAAN

- Menyenaraikan rakan kongsi komuniti dan penaja yang berpotensi.
- Mengirim surat permohonan untuk penajaan.
- Menghubungi rakan kongsi komuniti dan penaja yang berpotensi untuk mendapatkan maklumat terkini.
- Menghantar e-mel penghargaan kepada rakan kongsi komuniti dan penaja.
- Menghubungi pembekal barangan.
- Mendapatkan sumbangan kewangan melalui pemacu derma.

LAMPIRAN C

ATURCARA PROGRAM

**HARI PERTAMA
2 APRIL 2022 (SABTU)**

Masa	Aktiviti
8.00 pagi	Ketibaan AJK Program SULAM-CFP 2022 Pengumpulan Para Peserta - Lokasi: Dewan
8.30 pagi	Upacara Perasmian Program SULAM-CFP 2022 - Ucapan Guru Penasihat Program - Ucapan Pengetua Rumah Kanak-kanak Tengku Budriah - Ucapan Pengarah Program
8.45 pagi	Pembahagian peserta kepada kumpulan masing-masing bersama seorang fasilitator.
9.00 pagi	<p>AKTIVITI 1 Aktiviti ini melibatkan 6 stesen yang berbeza. Setiap kumpulan akan bermula aktiviti di sebuah stesen dengan tempoh selama 30 minit. Apabila tempoh itu tamat, kumpulan tersebut akan bergerak ke stesen yang seterusnya mengikut nombor turutan yang ditetapkan (1->2->3->4->5->6).</p> <p>STESEN 1 Pemeriksaan Gigi - Aktiviti ini dijalankan mengikut kumpulan yang ditetapkan. - Lokasi: Bilik Kesihatan</p> <p>(Masa: 30 minit)</p> <p>STESEN 2 Plak Gigi dan Berus Gigi: - Setiap peserta akan diberi <i>Erythrosine Tablet</i> (tablet pewarna) untuk mengenali plak pada gigi. - Kemudian, peserta akan belajar cara menggosok gigi dengan efektif. - Lokasi: Kantin</p> <p>(Masa: 30 minit)</p>

	<p>STESEN 3 <i>Oral Hygiene Education!</i></p> <ul style="list-style-type: none"> - Jenis berus gigi - Jenis ubat gigi - Keperapan menggosok gigi - Plak Gigi - Lokasi: Kantin <p style="text-align: right;">(Masa: 30 minit)</p> <p>STESEN 4 Pengenalan Huruf Besar</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pembelajaran huruf besar - Pembelajaran mengenai anatomi gigi (1). - Lokasi: Dewan <p style="text-align: right;">(Masa: 30 minit)</p> <p>STESEN 5 Pengenalan Huruf Kecil</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pembelajaran huruf besar - Pembelajaran mengenai anatomi gigi (2). - Lokasi: Dewan <p style="text-align: right;">(Masa: 30 minit)</p> <p>STESEN 6 Tayangan Video Pendek Mengenai Penjagaan Kesihatan Gigi</p> <ul style="list-style-type: none"> - Lokasi: Dewan <p style="text-align: right;">(Masa: 30 minit)</p>
12:00 tengah hari	<p>AKTIVITI 2 Pembelajaran Menulis</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penulisan huruf akan diajar satu-persatu berdasarkan ilmu yang dipelajari dari Stesen 4 and 5 tadi.
12.45 tengah hari	Majlis Bersurai

**HARI KEDUA
9 APRIL 2022 (SABTU)**

Masa	Aktiviti
8.30 pagi	<p>Ketibaan AJK Program SULAM-CFP 2022</p> <p>Pengumpulan Para Peserta</p> <ul style="list-style-type: none">- Lokasi: Dewan <p>Pembahagian para peserta mengikut kumpulan masing-masing.</p>
8.45 pagi	<p>AKTIVITI 1</p> <p>Sesi 1:</p> <ul style="list-style-type: none">- Sambungan Aktiviti Pengenalan Huruf dan Kecil (<u>menggunakan buku latihan yang digunakan masa minggu 1</u>).- Imbasan Semula Pengenalan Huruf:<ul style="list-style-type: none">o <u>Paparan slaid menunjukkan setiap huruf yang dipelajari pada minggu 1.</u>o Pembacaan huruf bersama-samao Memainkan <u>lagu</u> bertemakan huruf dan menyanyi bersama-sama. <p style="text-align: right;">(Masa: 30 minit)</p> <hr/> <p>Sesi 2:</p> <ul style="list-style-type: none">- Pembelajaran Operasi Asas Matematik (pengenalan nombor, tambahan dan penolakan).<ul style="list-style-type: none">o <u>Paparan slaid</u> menunjukkan setiap nombor asas dari 1 sehingga 10o Menunjuk demonstrasi pengiraan nombor dari 1 sehingga 10/30 menggunakan <u>gambaran sudu</u>.o Mengajar operasi tambahan dan penolakan. <p style="text-align: right;">(Masa: 30 minit)</p>
9.45 pagi	<p>AKTIVITI 2</p> <p><i>Good Sugar vs Bad Sugar!</i></p> <p>Aktiviti yang melibatkan pengajaran mengenai <u>kadar kandungan gula dan jenis gula yang terkandung</u> dalam beberapa jenis makanan dan minuman yang sering diambil secara am. Operasi asas matematik yang dipelajari dalam aktiviti 1 akan diaplikasikan dalam aktiviti ini.</p> <p>Stesen 1: (2 Kumpulan)</p>

	<ul style="list-style-type: none"> - Para peserta akan dibahagikan mengikut kumpulan masing-masing bersama fasilitator yang ditetapkan. - Setiap peserta perlu memilih 1 gambaran makanan atau minuman yang disukai dari kotak yang disediakan. - Gambaran tersebut mempunyai tulisan kandungan gula di permukaan belakang. - Secara berkumpulan, jumlah kandungan gula daripada gambaran makanan dan minuman perlu ditambah bersama-sama dengan menggunakan marker dan kertas mahjong yang disediakan. - Penjelasan mengenai kandungan gula yang berbeza dalam pelbagai jenis makanan dan minuman akan diterangkan. <p style="text-align: center;">(Masa: 30 minit)</p>
10.15 pagi	<p>Stesen 2: (2 Kumpulan)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penjelasan mengenai 2 jenis gula yang berbeza (<i>good sugar</i> dan <i>bad sugar</i>) akan diterangkan. - Penjelasan mengenai kesan <i>bad sugar</i> terhadap kesihatan gigi juga akan diterangkan. <p style="text-align: center;">(Masa: 30 minit)</p>
10.45 pagi	<p>Stesen 3: (2 Kumpulan) <i>My Plate</i></p> <p>Aktiviti seni yang melibatkan para peserta untuk melukis dan mewarna makanan dan minuman pilihan masing-masing mengikut panduan Pinggan Sihat Malaysia.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mengajar mengenai pengambilan hidangan yang sihat dan menekankan jumlah makanan bagi setiap kumpulan makanan berdasarkan Piramid Makanan Malaysia. - Mengajar mengenai konsep suku, suku, separuh. - Para peserta diberi kebebasan untuk menggunakan kreativiti sendiri untuk menghiaskan pinggan sendiri. - Peserta boleh menyimpan pinggan yang dihiasi untuk peringatan memori program. <p style="text-align: center;">(Masa: 30 minit)</p>
11.15 pagi	Majlis Bersurai

**HARI KETIGA
16 APRIL 2022 (SABTU)**

Masa	Aktiviti
8.30 pagi	<p>Ketibaan AJK Program SULAM-CFP 2022</p> <p>Pengumpulan Para Peserta</p> <ul style="list-style-type: none">- Lokasi: Dewan <p>Pembahagian peserta kepada kumpulan masing-masing bersama fasilitator kumpulan.</p>
9.00 pagi	<p>AKTIVITI 1 Mari Mengeja Bersama-sama!</p> <ul style="list-style-type: none">- Peserta duduk mengikut kumpulan masing-masing.- Fasilitator akan mengajar peserta melalui slide dan projektor.- Setiap kumpulan diberikan word box.- Setiap peserta mengambil 4 kertas dalam word box dan perlu membaca dan mengeja di atas kertas.- Setelah selesai mengeja, fasilitator akan menanda jawapan peserta. Ejaan yang salah akan dibetulkan oleh fasilitator.- Peserta yang siap diberi pelekat semangat atau bintang.- Lokasi: Dewan <p style="text-align: right;">(Masa: 40 minit)</p>
9.40 pagi	<p>AKTIVITI 2 Aktiviti yang melibatkan pengajaran mengenai <u>kandungan dan kesan asap rokok pada tubuh badan. Hubungan antara kesihatan mulut dan kesihatan am juga diberi pendedahan kepada peserta.</u> Pembelajaran mengeja yang dipelajari dalam aktiviti 1 akan diaplikasikan dalam aktiviti ini.</p> <p>Stesen 1 (2 kumpulan) Kandungan Racun Dalam Rokok (Bahayanya Rokok !)</p> <ul style="list-style-type: none">- Setiap dua ahli kumpulan diberikan satu flashcard racun dalam rokok.- Tayangan video sambil fasilitator menerangkan

	<p>kandungan racun dalam rokok.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Setiap kumpulan perlu menunjukkan flashcard racun berdasarkan gambar dalam video. - Dua ahli yang memegang flashcard tersebut perlu mengeja racun di kertas mahjong. - Masa untuk mengeja setiap perkataan ialah 3 minit. <p>Masa Lebihan: Tayangan video tentang rokok.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Lokasi: Dewan <p style="text-align: right;">(Masa: 30 minit)</p>
<p style="text-align: center;">10.15 pagi</p>	<p>Stesen 2 (2 kumpulan) Bahaya Rokok Pada Tubuh Badan</p> <p>Shrek</p> <ul style="list-style-type: none"> - Aktiviti lakonan yang dilakukan untuk memberi demonstrasi kesan negatif rokok pada anggota badan. <p>Simbol Tak Nak Merokok</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pelajar diberikan kertas A4 masing-masing dan pensel warna untuk melukis simbol taknak merokok. - Lokasi: Kantin <p style="text-align: right;">(Masa: 30 minit)</p>
<p style="text-align: center;">11.00 pagi</p>	<p style="text-align: center;">Rehat</p>
<p style="text-align: center;">11.20 pagi</p>	<p>Stesen 3 (2 kumpulan) Hubungan Antara Kesihatan Am dan Mulut</p> <p>Infografik Kesihatan Mulut dan Am</p> <ul style="list-style-type: none"> - Fasilitator menerangkan tentang hubungan kesihatan mulut dan kesihatan am berdasarkan gambar yang disediakan. <p>Radio Rosak:</p>

	<ul style="list-style-type: none">- Sebuah aktiviti kanak-kanak di mana fasilitator memberikan ayat kepada ahli pertama.- Ahli pertama hendak menyampaikan ayat tersebut kepada ahli seterusnya.- Langkah ini diulang sehingga ahli terakhir.- Ahli terakhir perlu menyampai ayat yang didengar kepada fasilitator. <p style="text-align: center;">- Lokasi: Kantin</p> <p style="text-align: center;">(Masa: 30 minit)</p>
12.15 tengah hari	Majlis Bersurai

**HARI KEEMPAT
14 MEI 2022 (SABTU)**

Masa	Aktiviti
8.30am	<p>Ketibaan AJK Program SULAM-CFP 2022</p> <p>Pengumpulan Para Peserta</p> <ul style="list-style-type: none">- Lokasi: Dewan <p>Pembahagian peserta kepada kumpulan masing-masing bersama fasilitator kumpulan.</p>
9.00am	<p>Imbasan semula Pengenalan Nombor</p> <ul style="list-style-type: none">- Paparan slaid nombor-nombor yang telah dipelajari dari sesi sebelum ini- Pembacaan nombor bersama-sama- Fasilitator mengarahkan semua peserta di dalam bulatan besar di tengah dewan. Fasilitator memilih volunteer untuk menjawab soalan mengikut kategori kanak-kanak. <p style="text-align: center;">(Masa: 15 minit)</p> <p>AKTIVITI 1</p> <p>Quiz Matematik (Tambahan)</p> <p>Para peserta akan diagihkan kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan yang mempunyai tahap pengetahuan asas (A) dan yang tinggi (B).</p> <p>Kategori A: tahap asas</p> <ol style="list-style-type: none">1. Nombor-nombor dilukis dalam satu garisan di atas kertas mahjong (nombor 0-10)2. Fasilitator akan memilih volunteer untuk menjawab soalan yang ditanya (contohnya, nombor 5)3. Peserta dikehendaki berlompat ke nombor yang disebut. (nombor 5)4. Setiap volunteer akan diberikan hadiah. <p>Kategori B: tahap tinggi</p> <ol style="list-style-type: none">1. Nombor-nombor dilukis dalam satu garisan di atas kertas mahjong (nombor 0-20)2. Fasilitator memilih volunteer untuk menjawab soalan3. Fasilitator menyebut satu penambahan atau penolakan soalan matematik. (contohnya, $1 + 2 = 3$)4. Peserta dikehendaki berlompat ke jawapan yang betul. (nombor 3)

	<p>5. Peserta volunteer diberikan hadiah.</p> <p>(Masa: 45 minit)</p>
10.00am	Rehat
10.10am	<p>Sesi "<i>Health and Safe Station!</i>"</p> <ul style="list-style-type: none"> - Peserta dibahagikan kepada kumpulan masing-masing. - Fasilitator setiap kumpulan mengendalikan dua aktiviti tertera di bawah (Aktiviti 2). - Kemudian, fasilitator akan mengendalikan proses penilaian (<i>evaluation</i>) peserta di akhir sesi. <p>AKTIVITI 2 Tangan 5 Bintang + COVID Go Away!</p> <ul style="list-style-type: none"> - Fasilitator akan menerangkan tentang bahaya COVID-19 dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengelakkan jangkitan COVID-19. - Fasilitator akan menerangkan tentang kepentingan mencuci tangan dengan bersih (<i>Pepper-Soap Experiment</i>) dan langkah-langkah cuci tangan yang betul menggunakan hand sanitiser <p>(Masa: 40 minit)</p> <p>EVALUATION</p> <ul style="list-style-type: none"> - Fasilitator akan mengadakan sesi temu ramah dengan setiap peserta untuk sesi evaluasi. <p>(Masa: 20 minit)</p>
11.10pm	<p>Pengumpulan para peserta</p> <ul style="list-style-type: none"> - Lokasi:dewan
11.20pm	<p>Upacara Penutup Program SULAM-CFP 2022</p> <ul style="list-style-type: none"> - Ucapan Pengarah Program - Ucapan Pengetua Rumah Kanak-kanak Tengku Budriah - Sesi penyampaian hadiah, cenderahati dan hasil kutipan buku sumbangan. - Sesi tayangan gambar dan video. - Sesi fotografi.
12.00pm	Majlis bersurai

**HARI KELIMA
21 MEI 2022 (SABTU)**

Masa	Aktiviti
8.30am	Ketibaan AJK Program SULAM-CFP 2022
8.40am	<p>AKTIVITI 1 Aktiviti mengecat dinding pada ruangan tertentu di Rumah Kanak-Kanak Tengku Budriah.</p> <p>AKTIVITI 2 Aktiviti pembaikan kawasan ruangan sinki di kantin dengan peletakan <i>anti-slip mats</i>.</p> <p>AKTIVITI 3 Aktiviti menampal poster Promosi Kesihatan Glgi pada ruangan papan informasi yang ditetapkan oleh pihak rumah kanak-kanak.</p>
2.00pm	Sesi Fotografi Bersurai

**HARI KEENAM
9 JULAI 2022 (SABTU)**

Masa	Aktiviti
8.30am	Ketibaan AJK Program SULAM-CFP 2022
8.45am	Penyediaan alat pemeriksaan gigi
9.10am	Sesi Pemeriksaan Gigi bersama pihak Islamic Dental Association of Malaysia (IDAM). Lokasi: Bilik Rawatan
12.00pm	Sesi Fotografi Bersurai

LAMPIRAN D

RINGKASAN AKHIR PROGRAM

Program SULAM ini telah berjaya dilaksanakan dengan kerjasama pihak pengurusan Rumah Kanak-Kanak Tengku Budriah dan beberapa wakil sukarelawan daripada Persatuan Pendidikan Awal Kanak-Kanak daripada Fakulti Pendidikan Universiti Malaya. Program yang dijalankan selama lima hari ini berjaya dijalankan secara bersemuka dengan para peserta yang terpilih. Aktiviti dirancang dan dilaksanakan selaras dengan beberapa prinsip yang telah digariskan berdasarkan prinsip *Ottawa Charter (1986)*. Bagi prinsip pertama iaitu mewujudkan polisi awam, kami mengadakan kolaborasi bersama jururawat pihak yang bertanggungjawab untuk melaksanakan polisi 'Gosok Gigi, Ceria Hati'. Seterusnya, bagi pembinaan persekitaran yang kondusif, kami telah merancang untuk meletakkan alas kaki di ruangan sinki yang mengandungi risiko dari segi keselamatan warga rumah kanak-kanak. Pemupukan kemahiran sendiri bagi prinsip *Ottawa Charter* yang ketiga, pelbagai aktiviti dijalankan selaras dengan prinsip ini seperti asimilasi aktiviti 3M ke dalam aktiviti-aktiviti lain. Selain konsep 3M, kami juga telah memberikan sumbangan buku-buku yang telah diperoleh daripada warga Fakulti Pergigian kepada pihak rumah kanak-kanak serta sesi pemeriksaan gigi secara percuma daripada pihak sukarelawan IDAM yang bersesuaian dengan prinsip *Ottawa Charter* yang terakhir iaitu gerakan masyarakat.

Seperti yang telah diterangkan, kami telah menjalankan sesi soal-selidik bersama para peserta sebelum merancang aktiviti yang akan dijalankan supaya objektif program kami dapat menepati keperluan dan tahap pengetahuan para peserta.

Pada minggu pertama, aktiviti-aktiviti yang dijalankan termasuk memberi pengenalan kepada kanak-kanak berkaitan dengan pengetahuan kesihatan mulut. Kami mengajar kanak-kanak cara untuk memberus gigi dengan betul dan mengenali plak gigi yang terdapat dalam mulut mereka. Selain itu, kami telah membuat pemeriksaan gigi

kanak-kanak untuk mengetahui keadaan kesihatan mulut mereka secara am. Kami juga mengajar kanak-kanak mengenal dan menulis huruf-huruf besar serta kecil.

Aktiviti minggu kedua adalah berkaitan diet seimbang dan pengambilan gula-gula. Kami mengajar mereka mengenal nombor dan membuat kiraan kandungan gula dalam makanan seharian kanak-kanak. Dengan itu, mereka akan sedar dan mengurangkan pengambilan gula. Seterusnya, kami mengajar kanak-kanak untuk membezakan gula yang baik dan buruk serta cara pengambilan makanan seimbang. Mereka akan dilengkapi dengan pengetahuan untuk mengambil makanan yang bukan sahaja baik untuk gigi tetapi juga kepada keseluruhan badan.

Pada minggu ketiga, kami berfokus dengan pengetahuan berkaitan merokok. Kami telah mengajar mereka mengenal kandungan dalam sebatang rokok dan kesan daripada menghisap rokok. Kanak-kanak berupaya untuk menyebut dan menulis perkataan dari kandungan rokok dengan ejaan yang betul. Seterusnya, kami memberikan idea kepada kanak-kanak mengenai masalah gigi dan kesihatan am supaya mereka dapat menghubungkan kesan masalah gigi kepada kesihatan am.

Pada minggu keempat, kami mulai dengan aktiviti pengiraan yang melibatkan soalan berkaitan dengan pengetahuan asas. Kami juga memperkenalkan penyakit berjangkit iaitu COVID-19 dan cara pencegahannya seperti kerap mencuci tangan dan pemakaian pelitup muka kepada kanak-kanak. Kami telah mengajar kanak-kanak langkah-langkah mencuci tangan yang betul dan mengenali beberapa gejala jangkitan COVID-19. Minggu keempat diakhiri dengan penilaian pengetahuan kanak-kanak. Majlis tamat dengan pemberian cenderamata kepada pihak pengurusan Rumah Kanak-Kanak Tengku Budriah dan pemberian buku-buku bacaan hasil daripada kutipan derma buku di Fakulti Pergigian Universiti Malaya.

Pendekatan SULAM ini diakhiri dengan sesi soal selidik buat kali kedua untuk membandingkan dan melihat impak serta hasil yang diperoleh oleh para peserta sepanjang aktiviti-aktiviti yang telah dilangsungkan. Soal selidik kedua dijalankan pada

hari keempat selepas aktiviti terakhir dijalankan, merangkumi aspek kesihatan gigi dan mulut seperti sesi pertama serta tambahan soal selidik untuk semua aspek 3M. Berdasarkan data yang telah diperolehi, 90.32% berus gigi dua kali sehari, 54.89% berus gigi lebih daripada 2 minit dan 100% menggunakan ubat gigi berfluorida. Keseluruhan pengumpulan data ini adalah selaras dengan objektif kami iaitu mendedahkan penghuni di Rumah Kanak-kanak Tengku Budriah dengan pengetahuan tentang penjagaan gigi, mengajar amalan penjagaan asas gigi dan mulut, menekankan kepentingan penjagaan gigi dan mengajar kemahiran membaca, menulis dan mengira.

Kami telah membuat SWOT (*Strength, Weakness, Opportunities, Threat*) analisis selepas setiap aktiviti dijalankan. Secara kesimpulannya, '*strength*' kami adalah kami dapat menyediakan setiap aktiviti dengan menarik dan senang difahami oleh kanak-kanak. Kami juga mampu mengulangi pengetahuan yang telah disampaikan kepada kanak-kanak pada minggu yang lepas untuk mendalami dan mengukuhkan pengetahuan mereka. '*Weakness*' kami adalah tempoh masa aktiviti tidak dibahagikan dengan baik. Semasa permainan stesen, sesetengah aktiviti tamat lebih cepat daripada aktiviti lain. Oleh itu, kami perlulah membuat '*test run*' sebelum menjalankan aktiviti. '*Opportunities*' adalah kami telah menyediakan pelbagai tayangan video berkaitan kesihatan mulut, merokok, covid-19 dan sebagainya. Kami mendapati bahawa kanak-kanak amat berminat dan berfokus semasa tayangan video daripada kami menerangkan secara lisan. '*Threat*' adalah kami agak susah untuk mengawal kanak-kanak yang berumur kecil kerana kurang pengalaman. Dengan ini, kami boleh meminta bantuan daripada penjaga rumah kanak-kanak agar aktiviti dapat dijalankan dengan lebih lancar.

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)

Tindakan	SOP
Ketibaan ahli jawatankuasa	<ol style="list-style-type: none">1. Ahli jawatankuasa perlu memastikan setiap individu yang memasuki tempat aktiviti berlangsung perlu mengimbas kod QR MySejahtera.2. Buku juga perlu disediakan bagi individu merekodkan nama, no telefon dan suhu secara manual untuk situasi di mana liputan Internet kurang memuaskan atau situasi lain yang berkenaan.3. PIC perlu memastikan setiap ahli jawatankuasa dan peserta Check-in MySejahtera dan berstatus “Low Risk” dan “Fully Vaccinated” dalam MySejahtera.4. Sebuah stesen didirikan untuk pendaftaran, merakam suhu dan sanitize para hadirin. Semua hadirin yang memasuki dewan tidak boleh melebihi suhu badan 37.5 darjah dan tetamu dengan suhu lebih tinggi daripada 37.5 darjah tidak dibenarkan menghadiri majlis. “Hand sanitizer” perlu disediakan untuk kegunaan para hadirin.5. Di kaunter pendaftaran, semua peserta mesti mempunyai jarak sosial sekurang-kurangnya 1 meter.6. Peserta mesti memakai topeng muka.
Sepanjang upacara	<ol style="list-style-type: none">1. Peserta akan duduk mengikut tempat yang ditentukan oleh pihak penganjur.2. Semua ahli jawatankuasa dan peserta dikehendaki memakai topeng muka dan berjarak sosial sejauh 1m sepanjang upacara.3. Semua penutur diminta menggunakan penutup mikrofon semasa menggunakan mikrofon.

	4. Para hadirin mesti menggunakan “Hand Sanitizer” sebelum memasuki dewan.
Sesi fotografi	1. Jarak sosial 1m mesti diamalkan sepanjang sesi fotografi.

Disediakan oleh,



SHAFIRA BINTI MOHD ZAIRI

Ketua Kumpulan

Projek A-B-C-DENTIST!

Fakulti Pergigian

Universiti Malaya

No. Tel : +6019-3224302

No. Matriks : DIA180042

Disemak oleh,



PROF. DR. NORINTAN BINTI

AB MURAT

Penasihat Projek

Projek A-B-C-DENTIST!

Fakulti Pergigian

Universiti Malaya